

Peniaga yang cekap canai intan berlian

HAJI Mahmud Abdul Rahim bukanlah seorang yang kaya-raya, tetapi bagi masyarakat Melayu di zamannya, beliau boleh digolongkan sebagai salah seorang yang kaya.

Mungkin dengan harta yang dikumpulkan — sepuluh pintu rumah di Lorong Sakai, Bencoolen Street, lima buah di Rochore (Java Road) dan tiga pintu di Jalan Sultan (termasuk bangunan syarikat Ahmadian Press sekarang) serta tanah seluas 810 hektar di Batu Pahat — maka beliau disifatkan orang kaya.

Haji Mahmud datang ke Singapura sekitar 1880 sebagai peniaga intan berlian. Beberapa tahun kemudian, beliau menjadi pemborong — membeli dari peniaga kecil-kecilan yang berulang-alik antara Singapura dengan Banjar-

masin, memprosesnya dengan jentera pencanai sebelum menjualnya kepada Borneo Company, sebuah firma Inggeris yang terkemuka ketika itu.

Seorang anaknya, Haji

Awang Mahmud, 86 tahun, ketika menceritakan tentang ayahnya, berkata: “Ketika itu, tidak ada orang yang lebih cekap dan halus dalam mencanai berlian daripada orang Banjar. Malah orang-orang Inggeris dan Cina bergantung pada mereka untuk menentukan nilai berlian.

Menurut Haji Awang, sebahagian besar adik-beradiknya (tujuh orang semuanya) tidak ke sekolah semasa hayat orang tuanya “kerana beliau merasakan kekayaan yang ada boleh menampung hidup mereka”.

Bagaimanapun, apa yang mungkin tidak terfikir olehnya ialah bagaimana membuktikan sekalipun harta yang dimiliki, akan terhakis juga akhirnya kalau pewaris-pewarisnya tidak tahu cara menambahkannya.

Inilah yang berlaku pada harta peninggalan Haji Mahmud. Sebuah demi sebuah rumah yang diwariskan terlucut dari tangan mereka, termasuk tanah yang begitu luas di Batu Pahat.